



جباٽن موزیوم مليسیا

JABATAN MUZIUM MALAYSIA

DEPARTMENT OF MUSEUMS MALAYSIA

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia

Ministry of Tourism, Arts and Culture Malaysia

Jalan Damansara

50566 Kuala Lumpur

Malaysia



Tel : 603-2267 1000

Faks : 03-2284 9103

www.jmm.gov.my

Ruj.Kami : JMM/BP/146/666/14 Jld.9 ()

Tarikh : 13 Jun 2019

Tuan/Puan,

**IKLAN PENGAMBILAN JAWATAN PEKERJA SAMBILAN HARIAN (PSH)
DI MUZIUM DIRAJA, JABATAN MUZIUM MALAYSIA**

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Muzium Malaysia sedang mengenalpasti calon-calon yang bersesuaian bagi jawatan **Pekerja Sambilan Harian (PSH)** di jabatan ini. Sehubungan itu, bersama-sama ini disertakan iklan jawatan tersebut untuk rujukan Tuan/Puan.

3. Semua dokumen permohonan yang telah lengkap hendaklah dihantar ke alamat berikut:

**Ketua Pengarah
Jabatan Muzium Malaysia
Jalan Damansara 50566 Kuala Lumpur
(u.p : Unit Pengurusan Sumber Manusia)**

4. Tarikh tutup permohonan ialah pada **31 JULAI 2019**. Calon-calon yang layak dan menepati syarat serta kriteria pengambilan akan dihubungi bagi menghadiri sesi temuduga. Kerjasama dan perhatian tuan/puan amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"MUZIUM KITA TAMADUN KITA"**

Saya yang menjalankan amanah,

(NOORAZREEN IDAYU BINTI KAMAROZZAMAN)

Pengarah

Bahagian Khidmat Pengurusan

b.p Ketua Pengarah

Jabatan Muzium Malaysia

**IKLAN JAWATAN
PEKERJA SAMBILAN HARIAN (PSH)
JABATAN MUZIUM MALAYSIA
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA MALAYSIA**

Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia yang berkelayakan bagi mengisi jawatan di Jabatan Muzium Malaysia.

1. Jawatan/Kumpulan/Skim Perkhidmatan

- (a) Jawatan : **PEKERJA SAMBILAN HARIAN (PSH)
(Pembantu Muzium S19)**
- (b) Jabatan : **Jabatan Muzium Malaysia**
- (c) Kumpulan : Pelaksana
- (d) Kekosongan : **Lima (5) jawatan di:
Muzium DiRaja (Istana Negara Lama)
Kuala Lumpur .**
- (e) Klasifikasi Perkhidmatan : Sosial
- (f) Kadar Upah : **RM54.00 sehari**
2. Tempoh Perkhidmatan : 3 bulan + 3 bulan
3. Waktu Bekerja : Sembilan jam sehari termasuk waktu rehat dengan ditetapkan waktu masuk dan waktu balik oleh Ketua Jabatan.

4. Syarat Lantikan

Calon-calon hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur antara 18 tahun hingga 35 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) Memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang setaraf dengannya oleh kerajaan dengan kepujian di dalam mata pelajaran Bahasa Melayu; dan
- (d) Mempunyai kemahiran asas komputer (Words, Power Point, Excel dan lain-lain)

5. Fungsi Bidang Tugas :

- (a) Membantu menjalankan kaji selidik berkaitan institusi Yang Di-Pertuan Agong.
- (b) Melaksana aktiviti pendidikan dan pengembangan secara berterusan kepada pelawat.
- (c) Membantu melaksanakan lawatan berpandu dari pelbagai agensi dan institusi
- (d) Membantu mengadakan pameran bergerak berskala kecil, ceramah dan aktiviti *hands-on*.

6. Cara Memohon :

- (a) Pemohon hendaklah mengemukakan *Resume* yang lengkap;
- (b) Semua permohonan hendaklah disertakan dua keping gambar terkini berukuran passport;
- (c) Salinan kad pengenalan;
- (d) Salinan Sijil Kelahiran;
- (e) Salinan tamat persekolahan; dan
- (f) Salinan sijil akademik.
- (g) Permohonan hendaklah dihantarkan dalam sampul surat dan di penjuru atas sebelah kiri sampul surat berkenaan hendaklah ditulis dengan **HURUF BESAR YANG JELAS NAMA JAWATAN YANG DIMOHON**.

Nota :

Semua salinan sijil perlu disahkan oleh Pegawai Kerajaan daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional. Permohonan yang lengkap hendaklah dihantar kepada:

Ketua Pengarah
Jabatan Muzium Malaysia
Jalan Damansara
50566 Kuala Lumpur.
(u.p: Unit Pengurusan Sumber Manusia)

7. Tarikh Tutup Permohonan : **31 JULAI 2019**

8. Catatan Am

- (a) Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil; dan
- (b) Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas **satu bulan dari tarikh tutup iklan** dianggap **tidak berjaya**.